




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 280 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 36,741 kes. Empat (4) kes kematian dicatatkan iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Sandakan, Kota Kinabalu, Keningau dan Lahad Datu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 217 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 34,470 orang. Sejumlah 1,591 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 627 orang di hospital dan 964 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 61 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran bertukar dan zon jingga ke zon kuning. Manakala Daerah Keningau berubah dari zon jingga ke zon merah dan Daerah Tambunan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 280 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 175 kes (62.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 63 kes (22.5%), saringan kluster-kluster sedia ada 13 kes (4.6%), saringan komuniti 1 kes (0.4%) dan 28 kes (10%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 948 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,444 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,392 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 24.89%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **307,176** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	97%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis di lima (5) daerah iaitu Beluran, Semporna, Kinabatangan, Lahad Datu dan Kota Kinabalu.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 23 lokasi di tiga (3) daerah.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
30 Disember 2020**